



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERSEPSI KAUNSELOR TERHADAP KEBERKESANAN
KURSUS DALAM PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING
MAKTAB-MAKTAB PERGURUAN**

SHARIFUDDIN BIN ISMAIL

FPP 1996 12

**PERSEPSI KAUNSELOR TERHADAP KEBERKESANAN
KURSUS DALAM PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING
MAKTAB-MAKTAB PERGURUAN**

SHARIFUDDIN BIN ISMAIL

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**

1996



**PERSEPSI KAUNSELOR TERHADAP KEBERKESANAN
KURSUS DALAM PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING
MAKTAB-MAKTAB PERGURUAN**

Oleh

SHARIFUDDIN BIN ISMAIL

**Projek Penyelidikan ini disediakan sebagai memenuhi
sebahagian syarat Sarjana Sains di Pusat
Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan,
Universiti Pertanian Malaysia**

Mei 1996



Kertas projek bertajuk "Persepsi Kaunselor Terhadap Keberkesanan Kursus Dalam Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Maktab-Maktab Perguruan" yang disediakan oleh Encik Sharifuddin Bin Ismail bagi memenuhi sebahagian daripada syarat mendapatkan Ijazah Master Sains (Pembangunan Sumber Manusia), di Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan Universiti Pertanian Malaysia.

Disahkan oleh:



HJ TURIMAN BIN SUANDI, Ph.D
Ketua,
Unit Perkhidmatan Pengembangan
Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan
Universiti Pertanian Malaysia
(Penyelia)



BAHAMAN BIN ABU SAMAH, Ph.D
Jabatan Pendidikan Pengembangan
Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan
Universiti Pertanian Malaysia
(Pemeriksa)

Tarikh: 10/7/96



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah
Yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih.

Saya memanjatkan syukur ke hadhrat Allah (swt) kerana dengan izinNya dapatlah saya menyiapkan laporan kertas projek ini dengan jayanya. Bagi menyiapkan laporan ini saya telah memperoleh bantuan, galakan, sokongan dan kerjasama daripada semua pihak, terutama sekali daripada penyelia kajian, Kementerian Pendidikan Malaysia dan rakan-rakan sepengajian.

Saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan penghormatan di atas budi dan jasa Dr. Turiman Suandi, selaku penyelia yang banyak memberikan tunjuk ajar, pembedahan, dorongan dan kritikan yang membina bagi membantu kelancaran perjalanan menyiapkan laporan ini. Tidak lupa juga terima kasih saya kepada pensyarah-pensyarah yang mengajar saya kursus-kursus dalam program Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia), khususnya Dr. Bahaman Abu Samah.

Penghargaan yang tidak terhingga juga diabadikan terhadap emak, arwah abah dan adik-adik yang banyak memberi inspirasi dan dorongan kepada saya sama ada sokongan moral atau material.

Berbanyak-banyak terima kasih juga di atas budi dan pertolongan rakan-rakan sepengajian yang turut memberi sumbangan idea dan pandangan-pandangan yang membina bagi menyiapkan kertas projek ini terutama sekali Azizi Bin Yahaya pelajar Ph.D (Training Management) dan Amir Hamzah pelajar MS (HRD).

Amat indah rasanya jika rakaman ucapan penghargaan dan terima kasih diberikan kepada isteri saya, Rugayah Binti Kassim, anak-anak saya, Shamimi Farhanah, Shazwani Fatin dan Shahirah Farhah. Merekalah yang menjadi sumber ilham dan ketenangan.

Akhir sekali saya mendoakan semoga Allah membalas jasa-jasa mereka dengan kebaikan yang berkekalan. Amin.



KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	i
KANDUNGAN	ii
SENARAI JADUAL	v
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
BAB	
1	
PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	8
Objektif Kajian	12
Kepentingan Kajian	13
Batasan Kajian	15
Definisi Istilah	15
II	
SOROTAN LITERATUR	18
Sejarah Pendidikan Guru Dalam Perkhidmatan Di Malaysia	18
Konsep Pendidikan Guru Dalam Pendidikan	24
Tujuan Pendidikan Guru Dalam Perkhidmatan	26
Jenis Pendidikan Guru Dalam Perkhidmatan	29
Menentukan Matlamat Pendidikan	31
Objektif Kursus	34
Bidang Kursus	37
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	38
Perancangan Kursus	40



Kualiti Pensyarah	45
Penilaian	47
Kegunaan Kursus	50
Kursus Dalam Perkhidmatan Di Barat	51
III METODOLOGI	56
Rasional Kajian	56
Rekabentuk Kajian	57
Populasi dan Sampel Kajian	58
Alat Kajian	58
Prosedur Kajian	59
Penganalisaan Data	60
IV HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	61
Ringkasan Keputusan Analisis Data	86
Latar Belakang Responden	86
Persepsi Responden Terhadap Aspek-Aspek Kursus Dalam Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	67
Tujuan Kursus	68
Proses Perancangan	72
Kegunaan Kursus	74
Kualiti Pengajar	78
Objektif Kursus	80
Bidang Kursus	82
Strategi Pengajaran & Pembelajaran	84
Penilaian	86



V	RINGKASAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	88
	Pengenalan	88
	Ringkasan Keputusan Analisis Data	89
	Latar Belakang Responden	89
	Persepsi Responden Terhadap Aspek-Aspek Kursus Dalam Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	
	Tujuan	90
	Proses Perancangan	91
	Kegunaan Kursus	95
	Kualiti Tenaga Pengajar	95
	Objektif Kursus	97
	Bidang Kursus	98
	Strategi Pengajaran & Pembelajaran	99
	Penilaian	100
	Cadangan	101
	Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya	102
	BIBLIOGRAFI	103
	LAMPIRAN 1	111

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Taburan Responden Mengikut Ras	62
2	Taburan Responden Mengikut Jantina	62
3	Taburan Responden Mengikut Umur	63
4	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik	63
5	Taburan Responden Mengikut Kelayakan Profesional	64
6	Taburan Responden Mengikut Pengalaman	65
7	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Sebagai Kaunselor	65
8	Taburan Responden Dipilih Untuk Menjadi Kaunselor	66
9	Taburan Responden Mengikut Jenis Kursus Dalam Perkhidmatan	66
10	Taburan Responden Mengenai Tujuan Kursus	69
11	Persepsi Responden Mengenai Tujuan Kursus Secara Keseluruhan	70
12	Taburan Responden Mengenai Proses Perancangan	72
13	Persepsi Responden Mengenai Proses Perancangan Secara Keseluruhan	73
14	Taburan Responden Mengenai Kegunaan Kursus	74

15	Persepsi Responden Mengenai Kegunaan Kursus Secara Keseluruhan	75
16	Taburan Responden Mengenai Kualiti Pengajar	78
17	Persepsi Responden Mengenai Kualiti Pengajar Secara Keseluruhan	79
18	Taburan Responden Mengenai Objektif Kursus	80
19	Persepsi Responden Mengenai Objektif Kursus Secara Keseluruhan	80
20	Taburan Responden Mengenai Bidang Kursus	82
21	Persepsi Responden Mengenai Bidang Kursus Secara Keseluruhan	82
22	Taburan Responden Mengenai Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	84
23	Persepsi Responden Mengenai Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	85
24	Taburan Responden Mengenai Penilaian	86
25	Persepsi Responden Mengenai Penilaian	87



ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat persepsi kaunselor-kaunselor yang pernah menghadiri kursus dalam perkhidmatan di maktab-maktab perguruan mengenai keberkesanannya. Kajian ini ditumpukan kepada lapan aspek kursus iaitu tujuan kursus, proses perancangan kursus, kegunaan kursus, kualiti pengajar kursus, objektif kursus, bidang kursus, strategi pengajaran dan pembelajaran dan akhir sekali penilaian kursus.

Soal selidik digunakan untuk mengumpul data mengenai persepsi responden terhadap setiap aspek kursus. Borang-borang soal selidik telah dikirim kepada 120 guru-guru kaunseling sekolah-sekolah rendah dan menengah melalui Guru Besar atau Pengetua sekolah masing-masing di seluruh Negeri Sembilan sahaja. Sebanyak 72 borang yang lengkap diisi telah dipulangkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Secara umum kajian ini menunjukkan peserta kursus mempunyai pandangan yang positif terhadap aspek-aspek kursus.

Berdasarkan hasil kajian, aspek-aspek yang perlu diberi perhatian adalah proses perancangan kursus. Ia patut dirancang secara lebih mantap terutama kandungan kursus hendaklah berasaskan pada kesediaan peserta. Kursus jangan dibuat terlalu padat dari pagi hingga malam. Ini membolehkan peserta mendapat ruang rehat dan tidak terlalu letih dari segi fizikal dan mental. Ini membolehkan mereka bersedia untuk berkursus pada keesokan harinya.

Kemahiran-kemahiran yang disampaikan haruslah yang lebih praktikal daripada teori. Dicadangkan untuk diadakan program latihan bagi tenaga-tenaga pengajar yang terlibat dengan kursus dalam perkhidmatan bagi meninggikan lagi mutu pengajaran mereka.



ABSTRACT

The main purpose of this study was to survey the perceptions of school counselors who attended the In-service Course in Counseling and Guidance at the Teachers' Training College towards its effectiveness. This study was focused on eight aspects, namely the aims of the course, the process in planning the course, the usefulness of the course, the quality of lecturers, the objectives of the course, the components of the course, the teaching and learning strategies and finally, the evaluation of the course.

Questionnaires were used to collect the data concerning the perceptions of respondents on every aspect of the course. Questionnaire forms were mailed to 120 school counselors at primary and secondary schools through their Headmasters or Principals in Negeri Sembilan. A total of 72 forms were answered and returned within the stipulated time.

Generally, this study showed that the respondents had positive views on every aspect of the course.

Based on the results of this study, the aspect that requires utmost attention is the process in planning the course. It needs to be planned more carefully especially regarding the content of the course that should be based on the readiness of the participants. The course should not be too compact with programs from morning to night. This would ensure that the participants get sufficient rest and are not too tired physically and mentally. This would enable them be ready for the course on the following day.

The skills delivered should involve more practical trainings than theories. It is suggested that a training program for the lecturers who conducted the In-service Course is carried out to enhance their teaching quality.



BAB 1

PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia adalah sebuah organisasi kerajaan yang diberi tugas dan tanggungjawab untuk melaksanakan program pendidikan di negara ini. Organisasi ini berkembang dengan pesatnya setelah tiga dekad negara mencapai kemerdekaan. Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan bertanggungjawab mendidik dan melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak mulia, berkebolehan dan mempunyai kemahiran untuk mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Di antara strategi yang digunakan ialah dengan memperkenalkan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.

Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling mula diperkenalkan di dalam sistem persekolahan di Malaysia pada tahun 1960an. Selama ini perkhidmatan ini lebih menitikberatkan bimbingan kerjaya dan pelajaran. Untuk memberi perkhidmatan bimbingan kerjaya dan pelajaran di sekolah-sekolah, pendedahan khusus selama seminggu diadakan dari masa ke semasa oleh Bahagian



Sekolah untuk guru-guru yang menjalankan tugas-tugas bimbingan.

Hasil dari perakuan United Nations Educational Scientific and Cultural Organization (UNESCO) kepada Kementerian Pendidikan melalui seorang pakar perundingnya R.K. MacKenzie dari Kanada, telah menjalankan latihan atau kursus untuk Pengelola-pengelola sekolah. Latihan dan kursus itu dijalankan di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras pada tahun 1962 dan 1963. Hasil daripada laporan dan kursus tersebut, satu buku panduan kecil telah diterbitkan oleh pihak Kementerian Pelajaran(ketika itu) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dengan judul 'Perkhidmatan dan Panduan di Sekolah'. Buku panduan ini telah disebarikan ke sekolah-sekolah di seluruh Malaysia dan dua tahun kemudiannya diterbitkan pula dalam edisi Bahasa Inggeris dengan judul 'Guidance Services in Schools'.

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) menegaskan tentang pentingnya perkhidmatan bimbingan dipertingkatkan lagi di sekolah-sekolah seperti dinyatakan dalam Perakuan 79.

"Adalah diperakukan Perkhidmatan Panduan Pelajaran dan Kerjaya di sekolah hendaklah dilaksanakan dengan sepenuhnya. Perkhidmatan ini hendaklah menitikberatkan kegiatan-kegiatan bimbingan dan tidak semata-mata kegiatan panduan kerjaya sahaja" (ms. 124)

Kementerian Pendidikan telah berusaha sejak tahun 1969 untuk memberi latihan kepada guru-guru yang menjalankan kegiatan bimbingan dan Kaunseling di sekolah mereka. Beberapa jenis kursus telah diperkenalkan, Di antaranya adalah:

- 1969-1982 Kursus pendedahan kepada guru bimbingan dan kaunseling selama satu minggu dalam masa cuti persekolahan.
- 1980 Kursus khas selama satu tahun diperkenalkan di Maktab Perguruan Ilmu Khas bagi guru-guru bimbingan dan kaunseling untuk mendapatkan Sijil Perguruan Khas Bimbingan dan Kaunseling. Kursus Diploma Kaunseling selama dua semester diperkenalkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia bagi guru-guru bimbingan yang berijazah.
- 1982 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) selama 4 tahun diperkenalkan di Universiti Pertanian Malaysia. Keutamaan diberi kepada guru-guru yang mempunyai Sijil

Perguruan Khas Bimbingan dan Kaunseling serta berpengalaman mengajar selama 5 tahun.

Kursus Dalam Cuti(KDC) diperkenalkan oleh Bahagian Pendidikan Guru selama 7 atau 8 minggu semasa cuti penggal persekolahan bagi guru-guru bimbingan dan beberapa pusat KDC telah diwujudkan bagi menjayakan rancangan tersebut.

1984 Kursus Khas selama 6 bulan diperkenalkan di Maktab Perguruan Ilmu Khas bagi guru-guru bimbingan yang sudah menghadiri kursus KDC dan mendapat pangkat cemerlang untuk mendapatkan Sijil Perguruan Khas Bimbingan dan Kaunseling.

1987 Kursus Diploma Bimbingan dan Kaunseling dimulakan di Institut Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim selama setahun bagi guru-guru bukan siswazah.

1989 Kursus Perguruan Khas Bimbingan dan Kaunseling, Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur dipindahkan ke Institut Perguruan Darul Aman, Jitra, Kedah.

Latihan kepada seseorang guru tidak berakhir dengan penerimaan sijil perguruan selepas menjalani latihan guru pra-perkhidmatan. Latihan pra-perkhidmatan dianggap tidak boleh menyediakan guru untuk berkecimpung dalam kerjaya keguruan sepenuhnya. Ia perlu ditambah dengan program-program pendidikan guru dalam perkhidmatan dan perkembangan staf yang berterusan. Dengan adanya program-program pembelajaran seumur hidup menerusi program pendidikan guru dalam perkhidmatan atau kursus dalam perkhidmatan, guru mampu melibatkan diri secara aktif di dalam sesebuah masyarakat dan berupaya menyesuaikan diri dengan perubahan masyarakat yang kian mencabar (Mohd. Sani, 1992).

Sungguhpun demikian ramai penyelidik mengakui bahawa kursus dalam perkhidmatan hanyalah program tambahan untuk program pra-perkhidmatan dan pendidikan profesional untuk guru-guru (Edelfelt, 1977; Joyce dan Showers, 1977; Eraut, 1972; Bush, 1971). Mungkin ini disebabkan oleh sejarah perkembangannya yang bersifat sebagai kursus melengkapkan guru-guru dengan kemahiran ikhtisas dalam teknik pengajaran.

Kebanyakan kursus dalam perkhidmatan yang dianjurkan oleh bahagian-bahagian ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia bukanlah kursus yang berbentuk 'pensijilan', tetapi hanya merupakan kursus-kursus yang memberikan 'sijil kehadiran' kepada peserta-peserta kursus. Kursus-kursus seperti ini tidak memberi apa-apa kesan terhadap perkhidmatan guru-guru yang telah menghadiri kursus-kursus dalam perkhidmatan. Malah guru-guru yang telah tamat mengikuti kursus-kursus ijazah lanjutan atau kursus-kursus peringkat diploma tambahan masih tidak diberi apa-apa ganjaran terhadap pencapaian mereka (Kementerian Pendidikan, 1989).

Selain daripada itu, penilaian ke atas program kursus dalam perkhidmatan juga harus dipertimbangkan untuk menentukan sejauh manakah objektif-objektif program itu tercapai. Pengumpulan maklumat mengenai penilaian program tidak ditekankan oleh pihak penganjur kursus. Seperti kata Boyle (1973):

'....sedikit sahaja diketahui tentang keberkesanan kursus-kursus dan adalah penting bahawa kesinambungan bilangan kursus-kursus harus diikuti dengan lebih banyak usaha terhadap penilaian'.

Dalam penilaian keberkesanan kursus-kursus dalam perkhidmatan, kualiti jurulatih kursus harus juga diambil perhatian. Faktor ini amat penting kerana kepakaran jurulatih akan mencorakkan perjalanan sesuatu kursus itu berjalan dengan lebih berkesan (Mardevan, 1991). Setakat ini tidak banyak kajian mengenai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh jurulatih. Dalam kajian Mardevan (1991) didapati kebanyakan jurulatih yang mengajar peserta dalam kursus perkhidmatan mempunyai kelulusan hanya setakat SPM/STPM sahaja. Mereka ini dilatih dalam jangka masa yang singkat oleh kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Negeri. Hasilnya menunjukkan bahawa peserta-peserta kursus kurang yakin akan kebolehan jurulatih tersebut. Ini berpunca daripada sikap peserta yang memandang rendah kelulusan yang diperolehi jurulatih tersebut. Disamping itu juga sikap jurulatih itu merasakan diri mereka rendah diri dan kurang menunjukkan keyakinan sebagai seorang pengajar yang terlatih.

Penilaian kursus dalam perkhidmatan adalah perlu untuk mengetahui sejauhmana objektif-objektif kursus tercapai dan strategi-strategi latihan yang digunakan itu efektif atau sebaliknya. Selain daripada itu penilaian sesuatu program

itu dapat meninjau akan kekuatan dan kelemahan program yang dijalankan itu. Ini membolehkan satu tindakan susulan dijalankan untuk meningkatkan lagi keberkesanan kursus dalam perkhidmatan pada masa hadapan.

Pernyataan Masalah

Beberapa kajian mengenai kursus dalam perkhidmatan telah dijalankan di Malaysia. Di antaranya Mohd Sani Ibrahim (1979) mengkaji tentang masalah dan penerimaan guru-guru agama sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia terhadap skim latihan Perguruan Dalam Perkhidmatan; Hashim Othman (1989) mengkaji Persepsi Guru-guru Terlatih Terhadap Kursus Khas Pengajaran Bahasa Malaysia; Noor Azmi Ibrahim (1988) mengkaji tentang "Inservice Courses And Teacher Professionalism The Implementation of KBSR In Malaysia"; M. Mahadavan (1990) mengkaji tentang Keberkesanan Kursus Dalam Perkhidmatan Untuk Guru-guru Mata Pelajaran Kemahiran Hidup dan Mohammad Sani bin Ibrahim (1992) menjalankan satu penilaian Terhadap Pendidikan Guru Dalam Perkhidmatan di Malaysia dan Implikasinya Untuk Masa Depan.

Colin McCabe (1980) menyatakan bahawa penilaian program kursus dalam perkhidmatan ialah untuk meninjau keberkesanan pelaksanaan sesuatu kursus yang dijalankan. Keberkesanan diukur dari kacamata penganjur dan peserta kursus.

Tiap-tiap program kursus dalam perkhidmatan perlu dinilai untuk mengetahui sejauh mana objektif-objektif kursus tercapai dan strategi-strategi latihan yang digunakan itu efektif atau sebaliknya.

Penilaian terhadap kursus dalam perkhidmatan ialah bertujuan untuk membantu guru-guru memperbaiki kelemahan-kelemahan mereka, membantu pentadbir-pentadbir untuk membuat keputusan mengenai perancangan program dan untuk menentukan program-program itu benar-benar berguna kepada guru-guru (Posavac dan Carey, 1980). Selain daripada itu, penilaian terhadap kursus dalam perkhidmatan ialah untuk mempelajari mengenai kesan-kesan yang tidak terduga berlaku untuk menentukan keperluan-keperluan latihan staf. Dengan lain perkataan, pentadbir boleh mendapatkan maklumbalas bagi memperbaiki amalan-amalan semasa dan boleh menentukan

analisis kos-faedah (cost-benefit analysis) program yang dijalankan.

Dalam perancangan program kursus dalam perkhidmatan, faktor-faktor berikut perlu dipertimbangkan;

- a) Objektif-objektif
- b) Jenis-jenis aktiviti yang perlu mencapai objektif
- c) Ciri-ciri populasi yang dituju
- d) pihak yang menganjur
- e) Galakkan bagi peserta dan
- f) Lokasi dan masa kursus.

Satu kajian terperinci tentang pelaksanaan pembaharuan oleh Gras et al (1971) menunjukkan bahawa pelaksanaan minimum adalah kerana:

- a) Ketidakjelasan oleh guru tentang pembaharuan
- b) Ketiadaan kebolehan yang diperlukan
- c) Ketiadaan bahan pengajaran yang perlu
- d) Ketidakselarasan peraturan organisasi dengan pembaharuan dan
- e) Ketiadaan motivasi kakitangan.

Kebanyakan guru-guru yang menghadiri kursus dalam perkhidmatan merungut kerana apa yang mereka harapkan untuk mendapat sesuatu pembaharuan semasa berkhusus tidak tercapai (Mohd Sani, 1992). Guru-guru yang sudah mengikuti program kursus dalam perkhidmatan menyatakan mereka hanya dapat belajar sedikit sahaja dan kurang diberi bimbingan terhadap kursus yang pernah diikuti (Jaafar, 1995).

Kursus dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang dijalankan di maktab-maktab perguruan merupakan kursus tambahan kepada guru-guru yang ingin menambahkan ilmu mereka dalam bimbingan dan kaunseling. Ini membolehkan mereka mendapat kemahiran-kemahiran yang sesuai bagi mengemaskinikan dan meningkatkan pengetahuan, kemahiran, ketrampilan dan mutu pelaksanaan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

Berdasarkan kepada kepentingan-kepentingan di atas adalah perlu dibuat satu penilaian untuk melihat keberkesanan kursus dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berdasarkan kepada persepsi guru-guru yang

terlatih yang pernah menghadiri kursus tersebut. Ini merupakan satu kajian awal untuk menentukan keberkesanan kursus dalam perkhidmatan pada guru-guru yang menghadiri kursus dalam perkhidmatan dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling di Maktab Perguruan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk mendapat maklumat mengenai persepsi kaunselor terhadap keberkesanan pelaksanaan program pendidikan guru dalam perkhidmatan kursus Bimbingan dan Kaunseling di Maktab Perguruan berdasarkan kepada persepsi kaunselor-kaunselor yang terlibat di Negeri Sembilan. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat keberkesanan tujuan kursus, objektif kursus, bidang kursus, strategi pengajaran dan pembelajaran, perancangan kursus, kualiti pensyarah, penilaian kursus, kegunaan kursus.

Secara lebih khusus, kajian ini bertujuan untuk:-

1. Mengetahui sejauh mana tujuan kursus tercapai.

2. Mengetahui sejauh mana objektif-objektif kursus tercapai.
3. Mengetahui sejauh mana tepatnya bidang kursus peserta tercapai.
4. Mengetahui sejauh mana strategi pengajaran kursus ini tercapai.
5. Mengetahui sejauh mana perancangan kursus tercapai.
6. Mengetahui sejauh mana kualiti pensyarah menepati kursus ini tercapai.
7. Mengetahui sejauh mana penilaian kursus tercapai.
8. Mengetahui sejauh mana kegunaan kursus tercapai.

Kepentingan Kajian

Hasil dari kajian ini boleh membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (Bahagian Pendidikan Guru) untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi meninggikan lagi mutu kursus yang dijalankan. Maklumat-maklumat yang diperolehi boleh digunakan bagi merancang dan melaksanakan kursus-kursus seumpamanya pada masa hadapan.